

Bahagian A
[Masa dicadangkan : 10 minit]

Soalan 1 hingga 6

Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. Pakaian celorong-celoreng _____ dapat mengelirukan musuhnya semasa berada di hutan.
A. polis
B. bomba
C. kastam
D. tentera

2. "Untuk mendapatkan santan, kamu perlu _____ isi kelapa ini," kata Mak Cik Safiah kepada anak perempuannya, Nur Ain.
A. parut
B. perah
C. sangat
D. kukur

3. Entah _____ yang diperkatakannya, saya langsung tidak mengerti.
A. mana-mana
B. siapa-siapa
C. bila-bila
D. apa-apa

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



4. Sementara waktu zuhur, Mak Lin memanfaatkan masanya dengan _____ mata pisaunya yang sumbing.
A. mengasah
B. mengikis
C. mengikir
D. meraut

5. Guru kelas menampal jadual peperiksaan _____ papan kenyataan di kelas Tingkatan 3 Bestari.
- A. di
 - B. pada
 - C. kepada
 - D. dengan

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



6. Pak Arif _____ serawan jala sementara menunggu musim tengkujuh berakhir.
- A. menjahit
 - B. membubul
 - C. mengikat
 - D. mengait


Soalan 7 hingga 9
Pilih ayat yang betul.

7.
 - A. Di mana baju baharu yang saya beli tadi?
 - B. Yang di dalam kotak besar itu apa?
 - C. Mereka sampai ke rumah bilakah?
 - D. Harga barang itu berapakah?
8.
 - A. Damia mendapatkan rawatan di Amiera Klinik kerana demam.
 - B. Pagi tadi kami bersarapan di Seri Cahaya Restoran.
 - C. Pak Amsyar menjual goreng pisang di tepi jalan.
 - D. Puan Iman ke kedai untuk membeli sos cili.
9.
 - A. Mengapakah budak itu tidak datang ke sekolah?
 - B. Keadaan Puan Iffah bagaimanakah?
 - C. Apa nama kawan kamu itu?
 - D. Nama kucing itu siapa?

Soalan 10 berdasarkan gambar di bawah.




10. Cikgu Sharifah sedang _____ sebuah beg tangan sambil _____ beberapa buah buku ketika menuju ke kelas Tingkatan 3 Arif.
- A. mengepit ... memikul
B. mengelek ... menggalas
C. menjulang ... mengandar
D. membimbit ... menyandang



Latihan 2


BIL.	AYAT	POLA AYAT
1.	Rantai emas itu untuk ibu saya sempena Hari Ibu.	
	Subjek :	
	Predikat :	
2.	Ramai pelajar Institut Kemahiran Mara berkumpul di padang perhimpunan.	
	Subjek :	
	Predikat :	
3.	Datuk Ahmad Abdullah Pengarah Kanan Syarikat Bumi Jati.	
	Subjek :	
	Predikat :	
4.	Pelakon terkenal itu kelihatan anggun sekali ketika mengenakan pakaian tradisional Melayu.	
	Subjek :	
	Predikat :	
5.	Majoriti masyarakat Kadazan menguasai tarian Sumazau sejak kecil lagi.	
	Subjek :	
	Predikat :	



Latihan 3

Baca ayat di bawah dengan teliti, kemudian kenal pasti **satu** kesalahan ejaan dalam setiap ayat.

No.	Kenal pasti satu kesalahan ejaan.	Pembetulan
1.	Guru menegur sikap murid-murid yang sering membincangkan perkara yang remih.	
2.	Pelbagai anika barangan runcit dijual di Kedai Runcit Mewah itu.	
3.	Rogayah telah membaca e-mail yang disampaikan oleh Razali.	
4.	Para pelancung berpakaian mencolok mata di tepi pantai itu.	
5.	Aktiviti mengumpul stem merupakan hobi Khairul sejak darjah satu.	
6.	Amalan berjimat-cermat sangat penting kepada setiap murid.	
7.	Jualan martabak di Restoran Kenanga cukup laris khususnya pada bulan Ramadhan.	
8.	Kamal menggunakan silinder penyukat untuk menyukat isipadu cecair itu.	
9.	Badariah menggunakan tiga biji telur dan sedikit majerin untuk menghasilkan kek yang lembut.	
10.	Tan mengangkat kerusi yang buruk itu untuk disimpan di dalam setor.	



Latihan 4

Baca ayat di bawah dengan teliti, kemudian kenal pasti **satu** kesalahan bahasa dalam setiap ayat.

No.	Kenal pasti satu kesalahan bahasa.	Pembetulan
1.	Oleh kerana demam, Ali tidak hadir ke sekolah.	
2.	Poster itu ditampal kepada dinding kelas agar kelihatan ceria.	
3.	Ibu memasak tetamu yang hadir ke rumah semangkuk sup.	
4.	Abang telah menghantar keretannya ke Bengkel Kereta Hamad untuk diperbaiki.	
5.	Dato' Kamal telah memperisteri Razali dengan Sofea.	
6.	Nasi ayam madu itu Avinash habiskan sebelum masuk ke kelas.	
7.	Ibu menghadaikan abang kupiah sempena ulang tahun kelahirannya.	
8.	Seluruh rakyat berduka apabila baginda disahkan sakit.	
9.	Siti Nurhaliza tidak sahaja cantik, malah pandai berniaga.	
10.	Jabatan Kerja Raya telah memperlebarkan Lebuhraya Utara Selatan untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas.	

